

## **SOALAN NO: 164**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]**

#### **SOALAN NO. 164**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah akan diadakan integrasi penyelarasan antara agensi penyelidikan pertanian Kerajaan bagi mengurangkan pertindihan hasil kajian yang sama seterusnya mendapatkan keberkesanan kos penyelidikan yang dikeluarkan.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) terdapat beberapa institut penyelidikan antaranya seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) dan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI).

Integrasi penyelarasan antara agensi penyelidikan pertanian Kerajaan bagi mengurangkan pertindihan hasil kajian adalah melalui penubuhan/penglibatan dalam beberapa jawatankuasa, kerjasama perjanjian persefahaman dan projek-projek spesifik dengan kementerian lain serta pihak universiti seperti berikut:

##### **(i) Penubuhan/penglibatan dalam jawatankuasa**

Institut penyelidikan MOA seperti MARDI terlibat dalam pelbagai jawatankuasa yang membincangkan mengenai industri padi dan beras, isu pemakanan dan makanan negara, isu baja serta amalan terbaik makmal. Penglibatan MARDI dalam beberapa jawatankuasa yang diurussetiakan oleh Agensi Kerajaan serta universiti ini dapat membantu meminimalkan pertindihan kajian antara agensi yang berkaitan. Senarai penglibatan MARDI adalah seperti di **Lampiran 1**.

## **SOALAN NO: 164**

### **(ii) Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA)**

Institusi penyelidikan di bawah MOA akan membuat permohonan peruntukan bagi projek pembangunan yang bersifat penyelidikan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) di bawah Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA) yang akan menilai projek-projek pembangunan bersifat penyelidikan. JKPDA diwujudkan dengan tujuan utama untuk mengelakkan pertindihan aktiviti di antara agensi dan jabatan Kerajaan.

JKPDA merupakan sekretariat khusus yang dilantik untuk menyusun semula dan mengukuhkan mekanisme pembiayaan inovasi awam untuk penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan dan inovasi (R,D,C & I) yang beroperasi di bawah Agensi Inovasi Malaysia (AIM). Platform ini membantu mengenal pasti pertindihan, duplikasi dan penambahbaikan dalam bidang keutamaan.

### **(iii) Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU)**

MARDI telah menandatangani beberapa memorandum perjanjian persefahaman (MoU) dalam bidang pertanian, penternakan, keselamatan makanan, bioteknologi pertanian, program pembangunan usahawan, tumbuhan perubatan dan teknologi mikrob serta pelbagai bidang penyelidikan dan pembangunan dengan pelbagai universiti tempatan dan luar negara seperti di **Lampiran 2**.

### **(iv) Projek-projek spesifik**

Di samping itu, FRI turut menjalankan beberapa projek penyelidikan dengan pihak universiti serta agensi kerajaan yang lain dalam bidang akuakultur dan perikanan seperti di **Lampiran 3** yang bertujuan untuk menambahbaik strategi dan pengurusan perikanan serta memastikan pembangunan sektor perikanan secara mapan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan sentiasa memastikan integrasi penyelarasian antara agensi penyelidikan pertanian Kerajaan dibuat secara berterusan bagi mengelakkan berlakunya pertindihan hasil kajian yang sama dan seterusnya kos penyelidikan yang dikeluarkan adalah berkesan.